

28 JAN 1999

Samy-Tol

KEMENTERIAN AKAN TETAP TARIKH BAGI PENGURANGAN TOL

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya akan menetapkan tarikh bagi melaksanakan pengurangan tol di Lebuhraya Damansara-Puchong, kata Menteri berkenaan Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Ini berikutan pengumuman bahawa kadar tol bagi kenderaan persendirian yang menggunakan lebuhraya itu akan dikurangkan daripada RM1.50 kepada RM1 selepas Tahun Baru Cina.

Ketika ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC di sini, Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata tarikh itu akan ditetapkan selepas kadar baru diwartakan.

Pengurangan kadar tol bagi Lebuhraya Damansara-Puchong diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam.

Dr Mahathir berkata pengurangan kadar tol di lebuhraya berkenaan bermakna kerajaan membayar subsidi sebanyak RM85 juta setahun kepada syarikat pemegang konsesi, Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd bagi menampung kerugian oleh syarikat berkenaan.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa kadar tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) akan dinaikkan sebanyak 0.75 sen sekilometer berkuatkuasa dari tarikh yang sama dan ini bermakna pengguna membayar 11.25 sen sekilometer untuk menggunakan lebuhraya itu.

Samy Vellu juga ditanya mengenai gesaan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) supaya kerajaan mengumumkan kandungan perjanjian dengan syarikat pemegang konsesi pada masa depan.

Beliau berkata Perdana Menteri telahpun mengumumkan bahawa kerajaan mengambil keputusan untuk menangguhkan pembinaan lebuhraya baru oleh sektor swasta kerana rakyat Malaysia belum bersedia untuk membayar tol bagi menggunakan lebuhraya yang berkualiti.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata lebuhraya baru tidak akan dibina sehingga pengguna bersedia untuk menggunakan jala raya bertol.

Beliau menegur pertubuhan bukan kerajaan kerana membuat gesaan itu sambil berkata cadangan seperti itu harus dibuat di Bangsa-bangsa Bersatu "supaya setiap negara akan mengemukakan semua perkara termasuk negara besar yang mengeluarkan bom nuklear."

Beliau berkata cadangan yang hendak dikemukakan hendaklah munasabah dan boleh diterima.

Mengenai rancangan penswastan bekalan air di Sabah, Samy Vellu berkata konsortium lapan atau sembilan syarikat dipilih untuk menjalankan projek itu.

Beliau berkata cuma dua firma yang berpusat di semenanjung sementara selebihnya milik Sabah.

"Masalah bekalan air di Sabah dapat diatasi apabila ia diswastakan," kata Samy Vellu.

-- BERNAMA

ES FAZ